



جَابَتْنَاهُ مُفْتِنَةً نَكْرَى فَهَبَّ

TEKS KHUTBAH

NEGERI PAHANG

OKTOBER 2025



KELUARGA BAHAGIA
10 OKTOBER 2025 /
18 RABIULAKHIR 1447H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَحْمَنَ رَحِيمٌ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ . وَنَعُودُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا . مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلَ فَلَا هَادِيَ لَهُ . أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . أَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ ،



فِيَا عِبَادَ اللَّهِ ، إِتَّقُوا اللَّهَ وَأُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَبْتَقُوْيَ
اللَّهِ ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ .

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah Taala dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredaan Allah di dunia dan akhirat.

Sidang jumaat yang dimuliakan

Manusia diciptakan berbekalkan fitrah berpasangan. Syariat Islam menetapkan perkahwinan bagi menghalalkan kehidupan berpasangan lelaki dan perempuan. Perkahwinan merangkaikan rasa kasih dan sayang serta belas



kasihan seperti firman Allah Taala dalam surah Ar-Rum ayat 21:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمِنْ ءَايَتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا
إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ
يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢٦﴾

Yang bermaksud: “Dan antara tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri daripada jenis kamu sendiri, agar kamu senang hati dan hidup mesra dengannya, dan Dia menjadikan antara kamu (suami isteri) rasa kasih dan sayang serta belas kasihan. Sesungguhnya perkara ini benar-benar



mengandungi keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir.

Perkahwinan menyatukan pasangan lelaki dan perempuan, tetapi cerai memisahkan mereka. Perkahwinan amat digalakkan oleh syarak, sedangkan cerai, tanpa sebab yang munasabah, sangat tidak digalakkan kerana perceraian banyak meninggalkan kesan tidak baik kepada pasangan, ahli keluarga serta masyarakat sekeliling.

Firman Allah Taala dalam surah al-Baqarah ayat 229:



الظَّلَاقُ مَرَّتَانٍ فَإِمْسَاكٌ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيْحٌ

بِإِحْسَنٍ

Yang bermaksud: “*Talak (yang boleh dirujuk semula) itu ada dua kali. Setelah itu, (suami) boleh rujuk lagi dengan cara yang makruf atau menceraikan dengan cara yang baik...*”

Berdasarkan rekod kes perceraian perkahwinan di Negeri Pahang yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Pahang bagi tahun 2024 mencatatkan 3484 kes berbanding tahun 2023 sebanyak 3135 kes dan tahun sebelumnya 2022 sejumlah 3145 kes.



Angka perceraian yang semakin meningkat sangat membimbangkan kita. Angka tersebut membayangkan rumah tangga dan keluarga semakin rapuh keadaannya. Perceraian ini menjadi penyebab kepada berlakunya pelbagai masalah dalam masyarakat, seperti kemurungan, tekanan perasaan, sakit mental, keruntuhan moral, penyalahgunaan dadah, sumbang mahram, dan anak-anak yang terbiar.

Sidang Jumaat yang berbahagia

Bagi membina rumah tangga yang bahagia dan sakinah, beberapa langkah boleh diambil:

Pertama: Membetulkan niat dan matlamat perkahwinan. Pasangan perlu memiliki



kematangan, kebijaksanaan dan kesabaran dalam mengurus rumah tangga.

Kedua: Suami hendaklah bertanggungjawab menyediakan nafkah zahir dan batin. Ketaatan isteri kepada suami juga merupakan kunci penting sebuah keluarga bahagia.

Ketiga: Amalkan gaya hidup yang sederhana, berbelanja mengikut kemampuan dan elakkan berhutang yang boleh menyebabkan berlakunya tekanan hidup.

Keempat: Sekiranya berlaku perselisihan, dapatkanlah khidmat nasihat daripada pejabat agama atau mana-mana pusat kaunseling dan boleh juga merujuk kepada mereka yang arif.



Kelima: Elakkan krisis rumah tangga dikongsi dalam media sosial.

Keenam: Saling menghormati ibu bapa, mertua, keluarga dan ipar. Ibu bapa dan ahli keluarga yang lebih tua berperanan sebagai pendamai membantu mengharmonikan hubungan antara suami dan isteri.

Ketujuh: Suami isteri yang sering bertelagah akan menyebabkan gangguan fikiran dan tekanan emosi terutamanya kepada anak-anak yang masih kecil, apatah lagi jika ianya berakhir dengan perceraian.



Kelapan: Menghindari pergaulan bebas dengan bukan mahram yang boleh menjerumuskan diri dalam dosa yang lebih besar.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala

Rasulullah Sallallhu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abi Daud yang bermaksud:

“Tidak ada perkara halal yang dibenci oleh Allah selain daripada talak”

Jangan terlalu mudah melafazkan perkataan cerai mengikut kehendak hati dan perasaan. Menurut Seksyen 47 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005 Negeri



Pahang menetapkan setiap penceraian hendaklah melalui proses permohonan di Mahkamah Syariah. Menjadi suatu yang lumrah berlaku di negara ini, suami gagal mematuhi seksyen 125 enakmen yang sama iaitu kesalahan melafazkan cerai di luar mahkamah yang menyebabkan boleh didakwa dengan hukuman denda sebanyak RM1,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Peraturan dan undang-undang yang digubal bertujuan untuk menyelamatkan perkahwinan dan mengurangkan berlakunya perceraian tidak munasabah mengikut syarak. Melalui permohonan cerai di mahkamah, memberi ruang kepada pasangan menyuarakan sebab-sebab dipohon penceraian, membolehkan



usaha perdamaian dirintis, seterusnya pertimbangan yang adil oleh hakim akan berusaha memberikan keputusan yang adil setelah diyakinkan bahawa sudah tidak ada jalan lain melainkan perceraian untuk mengatasi masalah yang telah melanda rumah tangga.

Mimbar memperingatkan agar sentiasa bertenang, meredakan perasaan marah, menghilangkan tekanan fizikal sebelum melafazkan ‘cerai’ dan terlebih dahulu memikirkan saluran ‘penyelamat’ yang disediakan di pejabat agama mahu pun di Mahkamah Syariah. Cerai yang dilakukan secara gopoh dan terburu-buru tanpa pertimbangan wajar, akan menyebabkan penyesalan.



Mengakhiri khutbah beberapa kesimpulan boleh diberi perhatian:

Pertama: Perceraian adalah sesuatu yang diharuskan syarak namun ia adalah perkara yang paling dibenci Allah Taala.

Kedua: Perceraian adalah jalan terakhir jika semua usaha memulihkan perkahwinan gagal. Perceraian melibatkan kerosakan hubungan silaturahim antara dua keluarga, anak-anak, dan masyarakat. Ia bukan sesuatu yang manis. Tetapi sangat pahit dan perit bagi mereka yang melaluinya.

Ketiga: Andainya cerai adalah satu pilihan yang tidak dapat dielakkan maka lakukanlah dengan



cara yang baik mengikut saluran yang betul agar ia berakhir dengan harmoni dan damai.

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا
وَذُرِّيَّتَنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

بَارَكَ اللّٰهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي

وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ

مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ



قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ

الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،

فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.